

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 JULY 2017

DR. MAHATHIR PINTAR EKSPLOITASI EMOSI

Siri 4

Um-5/7/2017 pg. 10

TUN Musa Hitam mencatat sejarah sebagai Timbalan Presiden UMNO pertama tanpa jawatan Timbalan Perdana Menteri yang disandangnya dari tahun 1981 hingga 1986.

Beliau kekal sebagai Timbalan Presiden UMNO lebih setahun sebelum kalah dalam pemilihan 1987.

Musa dikatakan dipaksa melepaskan jawatan tersebut pada 27 Februari 1986 akibat tidak bersependapat dalam soal menguruskan tragedi Memali, tetapi kekal sebagai Timbalan Presiden UMNO sehingga 24 April 1987 apabila kalah dengan majoriti 40 undi di tangan Tun Ghaffar Baba.

Begitupun, benarkah kerana tragedi Memali, Musa berundur?

Dalam memoirnya *Frankly Speaking* yang diterbitkan pada 2016, Musa yang kini berusia 83 tahun menceritakan segala-galanya.

Dalam catatannya, beliau meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad mendakwa beliau cuba menjatuhkan Dr. Mahathir dan kerajaan pimpinannya.

Malah, dakwa Musa, Dr. Mahathir yang pada ketika itu adalah Presiden UMNO turut membangkitkan perkara tersebut dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO.

Musa bagaimanapun yang tidak mengetahui orang dimaksudkan oleh Dr. Mahathir itu kemudiannya bersemuka dengan perdana menteri keempat negara itu.

"Jawapan kejam beliau ialah 'Awaklah'," tulisnya dalam memoirnya.

Musa yang terkejut dan kecewa dengan tuduhan yang telah dilemparkan itu, sedar yang beliau tidak mampu untuk mengekalkan kedudukannya dalam kerajaan lagi.

"Saya buat keputusan untuk letak jawatan. Macam mana saya hendak kekal apabila beliau tidak lagi percaya saya? Bagaimana saya hendak jalankan tanggungjawab sebagai timbalannya apabila didakwa cuba 'membunuh' beliau dari segi politik?"

"Bagaimana saya hendak terus bekerja dan sokong beliau apabila hubungan kami sudah capai tahap itu?" soalnya.

Dalam buku itu juga, Musa mendakwa Dr. Mahathir cuba memanipulasi kekecewaannya berhubung pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) ke dalam

MUKADIMAH

SEJAK dulu lagi Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad penuh dengan kerenah dan sikapnya yang kontroversi serta sukar dikawal sesiapa.

Gelagat bekas Perdana Menteri itu seolah-olah suatu seni politik 'sapu sahaja, janji boleh' - yang setara dengan inti pemikiran politik Machiavelli yang berteraskan kekuasaan.

Ikuti babak-babak yang pernah dicituskan Dr. Mahathir semasa beliau berurusan dalam parti dan kerajaan dalam 10 siri yang dilaporkan wartawan *Utusan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL**.



MUSA HITAM (kiri) mengucapkan tahniah kepada Dr. Mahathir Mohamad yang menang jawatan Presiden UMNO ketika pemilihan parti pada 1987. - ARKIB UTUSAN

Kabinet sebagai alasan untuk peletakan jawatan mengejutnya.

Ku Li dilantik sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, walaupun tewas kepada Musa dalam pemilihan jawatan timbalan presiden UMNO pada 1984.

Musa menjelaskan, ini seolah-olah mustahil untuk Ku Li mengekalkan jawatannya dan diberikan kedudukan tinggi selepas kekalahannya itu.

Beliau turut menafikan Peristiwa Memali pada 1985 yang menyaksikan 14 penduduk kampung dan empat anggota polis terkorban, selepas satu kumpulan ajaran sesat mengemping kampung di Kedah itu, adalah punca utama beliau meletak jawatan.

"Ia ada kaitan dengan tuduhan saya cuba menjatuhkan bos saya dan kerajaan," katanya sambil mendakwa sekumpulan pemimpin UMNO terdiri daripada Anwar Ibrahim, Tun Daim Zainuddin and Tan Sri Sanusi Junid mungkin orang yang memberi cadangan menggulingkan perdana menteri kepada Dr. Mahathir.

Dalam memoirnya itu, Musa menyifatkan Dr. Mahathir sebagai pemimpin politik yang pintar dan mampu mengeksploitasikan

emosi sehingga menyebabkan orang Melayu berfikir beliau memperjuangkan nasib mereka.

"Saya fikir itu sebabnya beliau sering berkata, orang Melayu bodoh. Kemahiran politiknya menakutkan," katanya.

Pada Disember 2014, misalnya, ketika membincangkan masalah Malaysian Airlines, Dr. Mahathir berkata, orang Melayu terlalu bodoh untuk menerajui.

"Malah ketika berlaku krisis kepimpinan sekarang, beliau secara terbuka dan berulang-ulang kali menyatakan, orang Melayu bodoh. Demikianlah hebatnya kuasa personaliti beliau," ujar bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Dr. Mahathir yang memerintah selama 22 tahun dilihat mempunyai agenda peribadi, dan ketika pemerintahannya dari 1981 hingga 2003 telah mengamalkan sikap kuku besi. Tindakan diambil terhadap pengkritik termasuk disumbat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Pengkritik yang berpendidikan berkata, masalah terbesar Dr. Mahathir ialah kekurangan kredibiliti," kata Musa.

Hal ini terbukti daripada pelbagai komen negatif di media so-

sial terhadap tindak-tanduknya. Mengimbas semula, kata Musa, beliau hairan bagaimana beliau dapat bertahan selama hampir lima tahun di bawah pentadbiran Dr. Mahathir.

"Saya mengambil masa lebih sedikit daripada empat tahun untuk merumuskan bahawa perbezaan kami tidak dapat dileraikan, sehingga memaksa saya berundur," kata Musa.

Bagi Musa, Perdana Menteri keempat itu mengambil strategi menyering bagi mengelakkan orang lain mendedahkan salah lakunya.

Ujar Musa, Dr. Mahathir boleh mencetuskan gelora, namun tetap yakin beliau tidak akan menderita ekoran tindakannya itu, sebaliknya terus memiliki keyakinan tinggi dapat menguasai keadaan.

Ketika ini, Dr. Mahathir mahu mendedahkan salah laku Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, kata Musa.

Pemblog, tambahnya, mungkin berkata terhadap Dr. Mahathir, "Hey, bagaimana dengan keadaan ketika anda menyelamatkan anak anda menggunakan duit Petronas?" Tetapi adakah itu menakutkan beliau? Sama sekali tidak," kata Musa lagi.

Dr. Mahathir didakwa telah menggunakan wang Petronas untuk menyelamatkan syarikat perkapalan milik anaknya ketika krisis kewangan pada akhir 1990-an.

Musa meletak jawatan pada Februari 1986. Katanya, beliau mengambil masa lama untuk melepaskan jawatannya selepas berkonfrontasi dengan Dr. Mahathir kerana mahu menyelesaikan beberapa perkara.

Ia termasuk memberi penjelasan penuh kepada orang ramai berhubung peristiwa Memali, menyediakan kertas putih berhubung perkara itu dan lawatan tertangguh perdana menteri ke kawasan Parlimen Kota Tinggi.

Dr. Mahathir yang bersikap kritis terhadap memoir Musa itu bagaimanapun membalasnya: "Kegagalan pertama saya adalah Musa Hitam sendiri. Dia tidak sabar menunggu saya untuk bersara.

"Oleh itu, dia letak jawatan selepas lima tahun bersama sebagai timbalan saya di dalam kerajaan yang budak-budaknya namakan sebagai kerajaan MM," tulis Dr. Mahathir dalam blognya pada 25 Februari tahun lalu.